

04 SEP 2002

Pulau/I

PULAU BARANGAN MALAYSIA DITOLAK

MANILA, 4 Sept (Bernama) -- Setiausaha Perdagangan dan Industri Filipina Mar Roxas hari ini menolak gesaan kumpulan militan supaya memulau barangan buatan Malaysia, sambil berkata ia akan menjejaskan hubungan perdagangan antara dua negara Asean itu.

"Jangan kita memburukkan lagi keadaan, terutama apabila Perdana Menteri Malaysia (Datuk Seri Dr) Mahathir (Mohamad) sudahpun mengarahkan penangguhan sementara penghantaran pulang pendatang Filipina. Usaha diplomatik nampaknya berjaya," katanya kepada pemberita.

Migrante International, satu gabungan pekerja migran, menggesa supaya produk Malaysia dipulau sebagai menyatakan kemarahan negara itu terhadap layanan yang didakwa "tidak berperikemanusiaan" terhadap pendatang Filipina yang dihantar pulang dari Sabah.

Roxas merayu mereka bersabar sambil berkata bahawa Filipina menikmati hubungan perdagangan yang sihat dengan Malaysia.

Filipina mengimport peralatan elektrik, semi konduktor dan produk pertanian dari Malaysia.

Roxas berkata Filipina mencatatkan US\$1 bilion (US\$1=RM3.80) dalam eksport dagangan ke Malaysia pada 2001 daripada sejumlah US\$22 bilion pendapatan eskport untuk tahun itu.

Dari Januari hingga April lepas, Roxas berkata eksport Malaysia sudahpun mencapai US\$470 juta manakala import dari Malaysia bernilai US\$350 juta.

"Jadi kita mempunyai US\$120 juta lebih dagangan dengan Malaysia," katanya.

Roxas berkata kerajaan sedang melakukan yang terbaik untuk menyelesaikan masalah pendatang tanpa izin tanpa mengeruhkan hubungan perdagangan dua hala.

-- BERNAMA

ALJ MAM LAT